

30 APR 1999
Abdullah-Kuasa
UMNO MEWAKILI KUASA RAKYAT

GUAR CEMPEDAK, 30 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata UMNO adalah kuasa rakyat yang sebenarnya kerana parti itu mendapat sokongan rakyat sehingga ia berjaya mendirikan kerajaan di negara ini sejak merdeka.

Beliau berkata, UMNO yang menerajui pemerintahan negara ini telah diberi sokongan majoriti oleh rakyat dalam setiap pilihan raya dan ini menunjukkan bahawa UMNO direstui oleh rakyat Malaysia.

"Kalau kita cakap pasal kuasa rakyat, apa makna kuasa rakyat itu. Kuasa rakyat ialah kejayaan kita membawa perubahan demi perubahan untuk memajukan negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Yan di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail di Manila yang menyatakan "sokongan orang ramai terhadap saya dan parti KeADILan merupakan kuasa rakyat versi Malaysia" dan menyamakan perkara itu dengan kejatuhan bekas presiden negara itu, Ferdinand Marcos pada 1986.

Abdullah berkata rakyat Malaysia lebih bahagia dan maju berbanding pada masa dahulu dengan peluang-peluang kemajuan bagi rakyat begitu banyak sekarang ini.

"Semua itu hasil perjuangan kita untuk rakyat dan ia membuktikan kuasa yang kita miliki adalah kuasa yang digunakan dengan positif dan bukan untuk merosakkan atau memusnahkan sesuatu," katanya.

Mengulas lanjut tindakan Wan Azizah, isteri bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengkritik kepimpinan kerajaan di luar negara, Abdullah berkata Presiden parti KeADILan itu cuba mencari inspirasi dan sokongan daripada luar negara untuk menjayakan parti dan perjuangan mereka.

Kejayaan parti bukan bergantung kepada inspirasi dari luar negara, kejayaan parti ialah apabila ia disokong oleh rakyat dan sokongan itu membawa kejayaan sehingga mendirikan kerajaan.

"UMNO tidak ambil kisah apa yang diperkatakan oleh pihak di luar negara mengenai negara kita sebaliknya kita akan menumpukan usaha menuju pembangunan dan mengekalkan amalan demokrasi yang sihat di negara ini.

"Sebenarnya Wan Azizah tidak faham situasi sebenar di negara ini, kita bukan macam Filipina dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukan macam Marcos," katanya.

Sementara itu dalam ucapannya, Timbalan Perdana Menteri berkata kejayaan UMNO adalah berasaskan keberaniannya menghadapi semua cabaran yang datang.

Menurut beliau, sepanjang masa pelbagai halangan dan cabaran mendatang dan UMNO tidak pernah takut menghadapi semua itu, malahan UMNO menjadi semakin kuat dan matang setelah melepasi halangan berkenaan.

Sebagai parti yang terbesar di negara ini, katanya, UMNO mempunyai peranan yang besar iaitu meneruskan pemerintahan negara bagi membolehkan ia membantu orang Islam mempertingkatkan taraf hidup.

Beliau yakin sekiranya UMNO terus memimpin negara ini, dengan perkembangan pesat yang berterusan sekarang ini, Malaysia akan menjadi negara yang paling maju di kalangan negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Antara negara OIC - dibandingkan daripada sudut kemajuan, masa hadapan, kekuatan politik dan keamanan - akan tiba masanya Malaysia mencapai status

negara maju yang pertama di kalangan anggota pertubuhan itu, katanya.

"Ini semua hasil semangat muafakat dan semangat kental kita dalam menghadapi rintangan," katanya.

Beliau juga berkata masih banyak kerja yang perlu dilakukan dan sehubungan itu kuasa yang dimiliki oleh UMNO sekarang harus dikekalkan.

-- BERNAMA

MZM PR